

## KEMPEN “PB JOURNEY GOLDEN SAVERS”

### TERMA DAN SYARAT

Kempen PB Journey Golden Savers (“Kempen”) ini dilancarkan oleh Public Bank Berhad No. Pendaftaran 196501000672 [6463-H] (“PBB”). Terma dan syarat yang berikut mengawal Kempen ini yang ditawarkan kepada Peserta yang Layak, seperti yang ditakrifkan selepas ini:-

#### 1. Tempoh Kempen

- 1.1 Kempen ini akan berlangsung dari **1 Julai 2020 hingga 30 September 2020** [termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Kempen”)].
- 1.2 Kempen ini boleh didapati di semua cawangan PBB di Malaysia.

#### 2. Kelayakan

- 2.1 Pelanggan PBB individu baharu dan sedia ada, termasuk bukan pemastautin, berumur 50 tahun dan ke atas pada waktu penyertaan layak untuk mengambil bahagian (“Peserta yang Layak”).
- 2.2 Pelanggan yang berikut **TIDAK** layak untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini:
  - a) Kakitangan tetap dan/atau kakitangan kontrak PBB, Public Islamic Bank Berhad (“PIBB”) dan Public Investment Bank Berhad; dan
  - b) Bukan individu iaitu keempunyaan tunggal, perkongsian, entiti korporat, persatuan, kelab, sekolah dan pertubuhan.
- 2.3 Pemegang akaun bagi Akaun Simpanan 50 PLUS (50 SA) dan Akaun Deposit Tetap PB Golden 50 PLUS (50 FD) mestilah atas nama individu yang sama.
- 2.4 Untuk akaun bersama, hanya pemegang akaun yang namanya pertama tercatat dalam rekod PBB akan dikenal pasti sebagai Peserta yang Layak.
- 2.5 Deposit yang dibuat di bawah Kempen ini tidak boleh dan dilarang untuk diuntukkan atau digunakan untuk apa-apa kempen lain yang dijalankan serentak semasa Tempoh Kempen, atau apa-apa lanjutan selepas itu.
- 2.6 Dana yang digunakan untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini mestilah dana baharu. “**Dana baharu**” merujuk dana yang bukannya daripada dana sedia ada yang disimpan dalam mana-mana akaun deposit Peserta yang Layak dengan PBB atau PIBB.

- 2.7 Sumber dana baharu yang boleh diterima adalah seperti yang berikut:-
- a) Tunai yang diterima daripada sumber luar;
  - b) Prosid yang diterima daripada pendebitan suatu akaun (dengan syarat sumber dana adalah dana baharu yang didepositkan dalam akaun berkenaan);
  - c) Prosid daripada Cek Sendiri daripada pihak ke-3;
  - d) Prosid daripada Cek Tempatan; dan/atau
  - e) Prosid daripada Pindahan Telegraf (TT) /GIRO Antara Bank (IBG)/ RENTAS daripada bank-bank lain.
- 2.8 Dalam tempoh tujuh (7) hari kalendar selepas dana baharu ini dipindahkan kepada PBB dalam mana deposit disimpan, Peserta yang Layak mesti mengunjungi cawangan pemegang akaun untuk memaklumkan / membenarkan cawangan untuk melaksanakan peletakan tersebut.
- 2.9 Deposit yang dibuat menggunakan cek tertakluk pada penjelasan cek dan akan hanya dianggap sebagai deposit oleh Peserta yang Layak selepas cek tersebut dibayar atau dijelaskan dan akan hanya dianggap laku jika tidak dipulangkan sebagai cek tak laku. Untukkan amaun deposit itu akan berkuat kuasa selepas fasal ini dipenuhi.
- 2.10 Kempen ini **tidak** sah dengan promosi produk lain yang ditawarkan serentak oleh PBB.

### 3. Ciri-ciri Kempen

- 3.1 Produk yang Layak\* di bawah Kempen ini adalah seperti yang berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Produk yang Layak*</b>
1	Akaun Simpanan 50 PLUS (50 SA)
2	Akaun Deposit Tetap PB Golden 50 PLUS (50 FD)

\*Dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.

- 3.2 Untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini, Peserta yang Layak perlu membuka 50 SA dengan deposit pembukaan permulaan sebanyak RM500 (pemegang akaun baharu) atau menambah RM500 dalam 50 SA (pemegang akaun sedia ada) dan membenarkan amaun deposit itu diuntukkan selama 3 bulan untuk layak bagi peletakan dalam 50 FD di bawah Kempen ini.
- 3.3 Untukkan hendaklah dibuat di Cawangan Pemegang Akaun semasa Tempoh Kempen.

- 3.4 Kadar faedah promosi yang ditawarkan di bawah Kempen ini adalah seperti yang berikut:

**Untuk tempoh kempen dari 1 Julai 2020 hingga 12 Julai 2020:**

<b>Tempoh (Bulan)</b>	<b>Kadar Faedah Promosi (% setahun)</b>
3	<b>2.30</b>
6	<b>2.35</b>
9	<b>2.45</b>

**Untuk tempoh kempen dari 13 Julai 2020 hingga 30 September 2020:**

<b>Tempoh (Bulan)</b>	<b>Kadar Faedah Promosi (% setahun)</b>
3	<b>2.10</b>
6	<b>2.20</b>
9	<b>2.30</b>

- 3.5 Peletakan 50 FD ini tertakluk pada had minimum dan maksimum seperti yang berikut:

<b>Peletakan Deposit</b>	
<b>Minimum</b>	<b>Maksimum</b>
RM5,000 setiap resit	RM1 Juta setiap pelanggan

- 3.6 Sekiranya amaun deposit yang diuntukkan dalam 50 SA dibatalkan, dikeluarkan atau ditarik balik sebelum tamatnya tempoh untukkan yang ditetapkan di bawah Kempen ini atas apa juga sebab, Peserta yang Layak perlu menarik balik peletakan 50 FD yang belum matang itu pada hari yang sama.
- 3.7 Sekiranya Peserta yang Layak berhasrat untuk menutup 50 SA sebelum peletakan 50 FD itu matang, Peserta yang Layak perlu mengeluarkan amaun deposit yang diuntukkan, menutup 50 SA tersebut, sebelum matang dan menarik balik peletakan 50 FD itu pada hari yang sama.
- 3.8 Penukaran Produk yang Tidak Layak kepada Produk yang Layak dalam Tempoh Kempen tidak melayakkannya untuk menyertai Kempen ini.

- 3.9 Produk yang Layak yang dirangkaikan dengan kemudahan kredit/ pinjaman/ pembiayaan Peserta yang Layak tidak layak untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini.
- 3.10 Peserta yang Layak dibenarkan untuk membuat peletakan 50 FD dalam resit pelbagai tertakluk pada amaun minimum sebanyak RM5,000 setiap resit.
- 3.11 Peserta yang Layak dibenarkan untuk membuat peletakan 50 FD berganda sehingga RM1 Juta setiap pelanggan selagi beliau mempunyai satu (1) deposit yang diuntukkan di bawah Kempen ini.
- 3.12 Kadar faedah promosi diterima pakai untuk satu (1) pusingan sahaja. Apabila matang, 50 FD itu akan diperbaharui secara automatik pada kadar kaunter semasa 50 FD Bank untuk tempoh yang sama.
- 3.13 Faedah 50 FD akan dikreditkan dalam 50 SA Peserta yang Layak setiap bulan.
- 3.14 Faedah dikira berdasarkan bilangan hari sebenar.
- 3.15 Kadar faedah promosi ditetapkan semasa penyertaan / peletakan.
- 3.16 **Peletakan deposit di bawah 50 FD ini yang dikeluarkan sebelum matang semasa tempoh masa berkenaan, tidak layak untuk mendapat apa juga faedah dan apa-apa faedah bulanan yang dikreditkan sebelum pengeluaran sebelum matang 50 FD bagi setiap bulan penuh akan ditolak daripada amaun pokok sebelum amaun pokok 50 FD dikeluarkan kepada Peserta yang Layak.**

**Syarat di atas akan terus diterima pakai apabila peletakan 50 FD diperbaharui.**

- 3.17 Pengeluaran sebahagian peletakan 50 FD **tidak** dibenarkan.
- 3.18 Semua arahan bagi pengeluaran peletakan 50 FD mesti dibuat dengan memberi arahan bertulis yang jelas dan tepat dan ditandatangani dengan sewajarnya oleh penandatanganan yang dibenarkan bagi akaun tersebut berkaitan dengan pengeluaran dan pelupusan deposit berkenaan. PBB berhak untuk menolak / mengelak daripada melaksanakan arahan tersebut sekiranya tandatangan pada dokumen seumpama itu, pada pandangan PBB berbeza daripada tandatangan contoh yang diberi. Semua pindaan dalam arahan tersebut hendaklah disahkan dengan tandatangan seperti mana tandatangan contoh.

- 3.19 Apa-apa peletakan yang dibuat di bawah Kempen ini tidak dibenarkan untuk dijadikan sandaran bagi apa-apa overdraf/kemudahan tunai-i/kemudahan atau pembiayaan lain.

#### **4. Hadiah Kempen**

- 4.1 Peserta yang Layak akan diberi Kad Kredit PBB/PIBB dengan Keahlian Kad Percuma Seumur Hidup tertakluk pada kriteria yang berikut:
- a) Ahli Kad yang Layak mesti menjadi Ahli Kad Kredit Utama PBB/PIBB Baharu semasa tempoh kempen. “Ahli Kad Baharu” ditakrifkan sebagai pelanggan yang tidak mempunyai apa-apa kad kredit PBB/PIBB;
  - b) Had Kredit Peserta yang Layak yang diluluskan semasa Tempoh Kempen adalah berdasarkan baki 50 FD yang diletakkan di bawah Kempen.
  - c) Sekiranya 50 FD ditarik balik, akaun kad kredit Peserta yang Layak akan tertakluk pada penilaian kredit biasa.

#### **5. Hak PBB**

- 5.1 Melainkan bagi kadar faedah promosi yang dinyatakan dalam Perkara 3.4 di atas yang ditetapkan semasa penyertaan / peletakan tersebut, PBB boleh meminda, memotong dan/atau membuat penambahan pada mana-mana Terma dan Syarat lain dari semasa ke semasa dengan memberi notis terlebih dahulu sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar melalui laman web PBB atau apa-apa kaedah komunikasi lain yang diluluskan dan pindaan, potongan atau penambahan sedemikian hendaklah berkuat kuasa pada tarikh sebagaimana yang akan ditetapkan oleh PBB. Dengan terus mengambil bahagian dalam Kempen ini, Peserta yang Layak dianggap bersetuju untuk terikat dengan pindaan, potongan atau penambahan Terma dan Syarat seumpama itu seperti yang dinyatakan di atas.

#### **6. Lain-lain**

- 6.1 Dengan mengambil bahagian dalam Kempen ini, Peserta yang Layak:-
- a) bersetuju bahawa terma dan syarat ini akan diguna pakai bersama-sama dengan Peraturan-peraturan yang mengawal pembukaan dan pengendalian Produk yang Layak dengan PBB, yang sesalinannya telah diberikan kepada Peserta yang Layak. Sekiranya terdapat konflik atau percanggahan antara terma dan syarat ini dengan

Peraturan-peraturan yang mengawal pembukaan dan pengendalian Produk yang Layak itu, terma dan syarat ini akan diberi keutamaan dan didahulukan;

- b) bersetuju dan membenarkan maklumat berkenaan dengan Produk yang Layak itu untuk diproses, dikumpul, digunakan dan disimpan oleh PBB bagi tujuan Kempen ini; dan
- c) bersetuju bahawa keputusan PBB adalah muktamad.

6.2 Untuk membaca Notis Kerahsiaan PBB mengenai bagaimana PBB menggunakan maklumat anda atau sekiranya anda ingin mendapat berita mengenai produk dan perkhidmatan PBB termasuk tawaran promosi dan bahan pemasaran PBB, sila layari [www.pbebank.com](http://www.pbebank.com) atau kunjungi mana-mana cawangan PBB.

\*\*\*\*\*  
Ruang Selebihnya pada Muka Surat ini Sengaja Dibiarkan Kosong  
\*\*\*\*\*